Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001352
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1352

Kesediaan Murid Generasi-Z di SMK Badin Tuaran dalam Pembelajaran Teradun Bahasa Melayu dalam Era Covid-19

(Readiness of Generation-Z At SMK Badin Tuaran for Bahasa Melayu Blanded Learning in The Era Covid-19)

Miriani Paidal[1*], Roslee Talip[2]

[1]Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: mirianipaidals@gmail.com
[2]Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: Roslee_73@ums.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Miriani Paidal
(mirianipaidals@gmail.com)

KATA KUNCI:
Bahasa Melayu
Pembelajaran Teradun
Murid Gen-z
e-pembelajaran

KEYWORDS:
Malay language
Blended learning
Gen-z students
e-learning

CITATION:
Miriani Paidal & Roslee Talip. (2022). Kesediaan Murid Generasi-Z di SMK Badin Tuaran dalam Pembelajaran Teradun Bahasa Melayu dalam Era Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001352. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1352

ABSTRAK

Krisis Pandemik COVID-19 telah mencetuskan suatu norma baharu terhadap gaya pembelajaran konvensional. Keadaan ini telah mendesak suatu gaya pembelajaran yang dirasakan sesuai iaitu Pembelajaran Teradun. Pembelajaran Teradun merupakan penerapan gabungan teknologi e-pembelajaran dengan pembelajaran bersemuka yang dikenali sebagai Pembelajaran Teradun. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan murid Generasi-Z (Gen-Z) SMK Badin Tuaran dalam Pembelajaran Teradun bahasa Melayu. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini melalui edaran instrumen soal selidik atas talian dengan lima Skala Likert. Kebolehpercayaan soal selidik pada nilai Alfa Cronbach (α) 0.795. Seramai 126 orang responden yang terdiri daripada murid Tingkatan 4 SMK Badin Tuaran, Sabah terlibat sebagai responden kajian. Data dianalisis menggunakan program SPSS 27.0 dengan menumpukan kepada analisis statistik deskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kesediaan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu di Internet berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.46. Manakala tahap kesediaan murid bagi Pembelajaran Teradun bahasa Melayu pula berada pada tahap tinggi (M=3.82). Keadaan ini menjelaskan bahawa kajian berkaitan Pembelajaran Teradun perlu lebih giat dijalankan pada masa akan datang kerana gaya pembelajaran ini dapat mengisi ruang kelompangan dalam kekangan pembelajaran bersemuka semasa krisis dan juga bencana.

ABSTRACT

The COVID-19 Pandemic Crisis has sparked a new norm in conventional learning styles. This situation has prompted a learning style that is felt appropriate that is blended learning. Blended learning is the application of a

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

combination of technologies e-learning with face-to-face learning known as blended learning. This study aimed to identify the level of student preparedness Generation Z (Gen-Z) SMK Badin Tuaran in blended learning Malay language. Quantitative methods were used in this study through the distribution of online questionnaire instruments with five Likert scales. Questionnaire reliability at Cronbach's alpha (α) value of 0.795. Amongs 126 respondents consisting of Form 4 students of SMK Badin Tuaran, Sabah were selected as respondent. Data were analyzed using SPSS 27.0 program with a focus on descriptive statistical analysis. The study found that the level of preparedness of students in learning the Malay language in the internet at a moderate level score 3.46. While the level of preparedness student learning blend of Malay language in this study were at high level (M=3.820. This situation clarified that the study related to learning blended should be in full swing in the future because this learning style can fill in gaps within the constraints of learning to face the current crisis and disaster.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada terutama bagi kesediaan murid generasi Z terhadap pembelajaran Teradun bahasa Melayu. Sumbangan utama kajian ini mendapati bahawa tahap kesediaan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu di internet berada pada tahap sederhana maka seharusnya dorongan dan sokongan dalam aspek strategi pengajaran guru dapat ditingkatkan.

1. Pengenalan

Pada Disember 2019, dunia dikejutkan dengan kemunculan wabak COVID-19 yang mencetuskan norma baharu dalam rutin masyarakat dunia. Menurut Wang et al. (2020) wabak COVID-19 ini bermula di sebuah bandar Wuhan yang terletak di sebuah wilayah di negara China telah menggemparkan seluruh masyarakat bahawa satu jangkitan yang dikenali dengan pneumonia telah menjadi pandemik global dalam masa yang sangat singkat. Pendapat ini dikukuhkan lagi oleh Broughton et al. (2020) bahawa sekitar bulan Disember 2019 penularan *beta Coronavirus, Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS-coV-2) telah mula dikesan di Wilayah Wuhan, China. Kenyataan ini dikukuhkan menerusi kajian Kok (2020) berikutan dengan penularan pandemik berskala besar dan berulang dalam 40 tahun adalah seperti HIV, SARS, Middle East Respiratory *Syndrome Corona Viruses*, 2009 pandemik influenza H1N1 virus, Ebola virus, Zika virus dan yang terkini ialah SARS-coV-2, epidemik ini berlaku akibat *Initial Zoonotic Animal-To-Human Transmission* dengan adanya uji kaji makmal dengan virus berkenaan yang mampu merebak dalam persekitaran semula jadi. Menurut World Health Organization (2021), penyakit pneumonia yang disebabkan oleh virus COVID-19 telah menjangkiti 1.4 juta populasi manusia di bumi dan menyebabkan 1,502,728 kematian setakat 4 Disember 2020. Keadaan *symptomatic* ini sukar dikenal pasti kerana individu yang bergejala dan dijangkiti virus COVID-19 ini tidak menunjukkan sebarang gejala atau gejala yang tidak ketara menyebabkan usaha untuk membendung wabak ini daripada merebak di dalam komuniti telah menjadi sangat rumit.

Semasa penularan wabak berjangkit Koronavirus di Malaysia, maka satu keputusan besar telah dilakukan oleh kerajaan. Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan arahan Perintah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia dengan menguatkuasakan PKP kepada seluruh rakyat Malaysia. Perintah ini dilaksanakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Kerajaan Malaysia julung kali telah menguatkuasakan PKP yang bermula dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 bagi PKP Fasa 1, PKP Fasa 2 bermula dari 1 hingga 14 April 2020, dilanjutkan ke PKP Fasa 3 bermula dari 15 hingga 28 April dan seterusnya PKP Fasa 4 bermula dari 29 April hingga 12 Mei dan PKP bersasar menurut kepada negeri tertentu, berlanjutan sehingga bulan Disember 2020, setakat 24 Disember 2020 dan sehingga kini masih belum menemui titik noktahnya (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Setakat 31 Disember 2020 belum terdapat vaksin yang benar-benar teruji mampu merawat dan menghalang virus Korona ini dari terus menular (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). PKP akan diteruskan dan jika tidak mendapat sokongan dan kerjasama daripada masyarakat untuk menghentikan penularan buat masa ini, maka saranan daripada pihak kerajaan wajar di ambil berat (Rahayu et al., 2020).

Berikutan dengan pandemik yang melanda negara maka satu perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia telah berlaku. Salah satu cabaran dalam era COVID-19 ialah pembelajaran yang mengaplikasikan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran atas talian. Pembelajaran konvensional bersemuka telah disesuaikan dengan suatu kaedah pembelajaran berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Menurut Bram Bruggeman et al. (2021) guru merupakan tonggak utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pembelajaran Teradun ini agar dapat dilaksanakan dalam kekangan pembelajaran era COVID-19 ini. Pendapat ini sejajar dengan pandangan Roslee dan Tisebio (2020) pendidik sewajarnya sentiasa cakna dan mempunyai efikasi kendiri *(self-efficacy*) yang tinggi dalam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik khususnya dalam pengaplikasian teknologi maklumat. Ini sejajar dengan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) dalam anjakan ketujuh dalam PPPM (2013-2025) menjelaskan bahawa bagi meningkatkan kualiti pembelajaran maka Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sewajarnya dimanfaatkan oleh segenap warga pendidik di Malaysia. Seterusnya mampu menterjemah pembelajaran secara jarak jauh semasa kekangan pembelajaran bersemuka dalam era COVID-19 ini.

1.1. Pernyataan Masalah

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) melaporkan seluruh dunia terjejas dengan penularan COVID-19 dan institusi pendidikan juga tidak terkecuali. Sejurus penutupan beberapa institusi pendidikan berikutan penularan COVID-19 satu pertiga kanak-kanak di seluruh dunia atau 463 juta kanak-kanak menghadapi kesukaran untuk mengakses pembelajaran jarak jauh (New York Times, 2020). Menurut Henrietta Fore pengarah Eksekutif UNICEF sistem pendidikan yang terhenti berikutan pandemik ini menunjukkan kebimbangan yang perlu dihadapi sektor pendidikan (UNICEF, 2020). Seperti sektor lain sepanjang fasa penularan wabak COVID-19 maka sektor pendidikan juga terjejas ekoran penularan wabak ini. Menurut Mohamed Nazul (2020) penutupan beberapa sektor ekonomi juga melibatkan penutupan sektor pendidikan di Malaysia. Bagi menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan semua institusi pendidikan perlu beroperasi dengan pelbagai kaedah bagi memantapkan penyampaian pendidikan kepada murid maka pendekatan e-pembelajaran wajar dipraktikkan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sejajar dengan hasrat KPM yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia jelas menunjukkan bahawa kini pendidikan di Malaysia berada di penghujung gelombang ke-2 (2016-2020) iaitu fasa memacu teknologi komunikasi dan maklumat melalui pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran secara kendiri ini bertepatan dengan konsep Pembelajaran Teradun yang menggabungkan pembelajaran bersemuka dan pembelajaran atas talian (Nur Shafinaz & Nor Hafizah, 2020). Justeru, Penggunaan platform e-pembelajaran boleh digunakan untuk akses kepada pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran secara kendiri. Penggunaan teknologi perlu dipraktikkan dalam pendidikan kepada generasi baru agar mereka celik IT dan tidak hanya menganggap teknologi hanya semata-mata untuk tujuan komunikasi tetapi sebenarnya teknologi juga diperlukan dalam pendidikan.

Syed Azwan (2020) mengupas isu jurang digital dan cabaran pendidikan pasca COVID-19 bahawa 4.7 juta murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara meneruskan pengajian secara dalam talian sehingga penutupan sekolah yang dijangka berakhir Januari 2021. Bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan dalam arus pendidikan maka Institusi Pendidikan mula mempelbagaikan kaedah pembelajaran. Pada Januari 2020 sistem pembelajaran dalam bilik darjah dilaksanakan seperti biasa. Hanya pada 18 Mac 2020 gaya pembelajaran telah beralih kepada pelaksanaan pembelajaran dan latihan atas talian dan pada 30 Mac 2020, bilangan murid yang mengikuti pendidikan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) adalah seramai 177,533 orang pembelajaran dalam talian dalam norma baharu pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Modul pembelajaran telah disesuaikan menurut kepada perubahan penyampaian atas talian, malahan pengurusan dan pentadbiran juga melibatkan penyesuaian norma baharu KPM.

Sesi perbahasan Rang undang-undang pembekalan 2021 di dewan rakyat yang membahaskan isu jurang digital dan cabaran Pendidikan pasca COVID-19. Kajian KPM yang dibentangkan oleh Ahli Parlimen Kulai, Teo Nie Ching menyatakan dalam kajiannya bahawa hampir 37% murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi sesi pembelajaran dalam talian. Negeri Sabah dan negeri Sarawak merupakan antara negeri yang mencatatkan 50% murid dilaporkan tiada akses Internet dan peranti yang menyokong pembelajaran atas talian (Syed Azwan, 2020). Kenyataan ini selari dengan pendapat Kok (2020) yang menjelaskan kawasan pedalaman yang tidak mempunyai sumber elektrik dan televisyen. Manakala program televisyen berunsurkan pendidikan adalah lebih mudah dicapai oleh pelajar di pedalaman Sabah dan Sarawak berbanding dengan capaian Internet (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Keadaan ini menjelaskan bahawa perlunya satu pendekatan pembelajaran yang sesuai dirangka oleh pihak kementerian agar keseimbangan murid di Malaysia mendapat pendidikan yang sempurna dapat dicapai. Pandangan ini disokong oleh Kok (2020) bahawa untuk suatu jangka masa yang panjang pembelajaran secara bersemuka dengan guru di dalam bilik darjah amat penting agar murid mendapat bimbingan dan galakan guru dalam pembelajaran mereka. Ini jelas membuktikan bahawa Pembelajaran Teradun amat penting kerana bukan semua murid mempunyai akses Internet yang baik. Penyediaan modul dan buku kerja amat sesuai untuk mengatasi kelompangan kekangan dalam ketiadaan akses Internet.

Menurut Nor Asmawati et al. (2019) para pendidik berhadapan dengan ledakan teknologi yang merentasi masa. Justeru kesediaan dan pemerkasaan guru dalam pengetahuan teknologi maklumat juga perlu satu pendekatan yang berbeza bagi mendidik generasi Z, Y dan Alpha. Kenyataan ini disokong oleh Nor Asmawati et al. (2019) dalam era globalisasi ini warga pendidik sewajarnya mengintrospeksi diri berkenaan kemahiran dan kepakarannya dalam bidang teknologi maklumat. Kerana kemahiran generasi Z dan Alpha

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang mahir dan berminat dengan kepelbagaian fungsi gadjet dan peralatan telekomunikasi mengubah persepsi pelajar kepada konvensional dan kepada pembelajaran digital.

Justeru bagi menangani pembelajaran semasa era COVID-19 ini maka Pembelajaran Teradun untuk mata pelajaran bahasa Melayu adalah suatu pendekatan yang diyakini dapat menyelesaikan permasalahan ini. Menurut Bouilheres et al. (2020) Pembelajaran Teradun telah mula diadaptasi dalam sektor korporat dalam bidang perniagaan. Namun Pembelajaran Teradun telah berkembang dalam bidang pendidikan bagi menggantikan pembelajaran secara tradisional. Konsep asas Pembelajaran Teradun ialah kaedah pembelajaran secara tradisional iaitu pembelajaran secara bersemuka dengan gabungan pembelajaran secara digital menggunakan teknologi seperti cd, Internet, video dan sebagainya. Antara kelebihan Pembelajaran Teradun ialah murid dan pendidik lebih fleksibel menggunakan masa dalam mempelajari pengaturcaraan. Mereka boleh mempelajari sesuatu pelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Selain itu, Pembelajaran Teradun membolehkan mereka mendapatkan nota-nota melalui platform pembelajaran seperti *Zoom, Skype, Ms Team, Google Hangout, Whatsapp, Google Meet MOOC*, *Moodle* dan sebagainya (Rosninawati & Rosidayu, 2017). Pembelajaran dapat dilakukan secara kumpulan mahupun individu. Kebanyakan kajian ini juga melaksanakan beberapa fasa awal iaitu fasa analisis bertujuan bagi mendapatkan maklum balas kesediaan murid sebelum diteruskan fasa berikutnya iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan pembelajaran teradun dalam talian (Zanariah et al., 2019)**.**

1.2. Objektif Kajian

Mengenal pasti tahap kesediaan murid dalam Pembelajaran Teradun bahasa Melayu Era COVID-19.

1.3. Persoalan Kajian

Apakah tahap kesediaan murid dalam Pembelajaran Teradun bahasa Melayu Era COVID-19?

2. Tinjauan Literatur

Hrastinski (2019) mendefinisikan Pembelajaran Teradun merupakan gabungan utama antara pembelajaran bersemuka dan pembelajaran secara dalam talian dan berdasarkan laman sesawang. Pandangan ini selari dengan pendapat Ahmad Zaki dan Zulazhan (2020) iaitu Pembelajaran Teradun adalah berasal dari istilah bahasa Inggeris *"Blended Learning (BL)".* Kajian mengenai Pembelajaran Teradun ini merupakan salah satu pendekatan terkini dan kreatif yang menjadi pilihan bagi memastikan agenda e-pembelajaran dilaksanakan dengan jayanya. Kedua-dua unsur tersebut perlu ada dalam Pembelajaran Teradun. Ini sekali gus menyokong dapatan bahawa sudah tiba masanya pembelajaran di peringkat menengah mengetengahkan suatu pendekatan Pembelajaran Teradun agar murid sekolah tidak ketinggalan dalam arus pembelajaran semasa penularan wabak COVID-19.

Bertepatan dengan keadaan semasa yang menuntut pembelajaran dilaksanakan dari rumah, maka telah tiba masanya untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran. Ini di kukuhkan lagi dengan kajian lepas oleh Lalima dan Kiran Lata (2017) bahawa Pembelajaran Teradun merupakan penggabungan antara pendekatan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tradisional/konvensional pembelajaran dalam kelas secara bersemuka dengan pembelajaran dalam talian berasakan laman sesawang (e-pembelajaran) berasaskan teknologi. Kenyataan bertepatan dengan Amrien dan Mohamed Amin (2016) bahawa Pembelajaran Teradun ialah salah satu pendekatan pembelajaran yang mengintegrasikan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) berasakan laman sesawang dengan interaksi bersemuka. Berdasarkan keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Pembelajaran Teradun amat sesuai dilaksanakan dalam era pandemik COVID 19 ini kerana kekangan akibat daripada kawalan pergerakan yang dilaksanakan telah menyebabkan murid berhalangan untuk hadir ke sekolah.

Menurut Ahmad Zaki dan Zulazhan (2020), generasi Z didefinisikan sebagai murid yang lahir pada tahun 1998 hingga 2009 iaitu murid yang berumur kurang daripada 20 tahun, maka kajian ini dilaksanakan kerana generasi ini adalah generasi yang aktif dalam menggunakan medium Internet dalam kehidupan seharian. Kajian Barnes dan Noble (2020) pula mendapati kecenderungan generasi Z adalah menggunakan platform pembelajaran secara dalam talian melalui laman sesawang yang dilengkapi terus dengan bahan-bahan pelajaran adalah sangat aktif. Keadaan ini menyebabkan pembelajaran atas talian disokong dengan keupayaan murid memanfaatkan Internet sebagai medium e-pembelajaran.

Keadaan ini juga bertepatan dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang telah menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan telah membawa kepada perubahan dan penjenamaan semula mata pelajaran di peringkat sekolah menengah yang sesuai buat murid generasi Z meneroka ilmu teknologi dengan lebih meluas. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang telah dilaksanakan mulai tahun 2017 secara berperingkat bermula dengan murid di tingkatan satu digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, (Ahmad Zaki & Zulazhan, 2020).

Penjenamaan semula mata pelajaran ini amat bertepatan dan membawa kepada perubahan dalam gaya pembelajaran iaitu TMK mula diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah amat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah (Ahmad Mazalah et al., 2015). Keadaan ini membawa kebaikan kepada murid kerana pelbagai jenis pendekatan pembelajaran dapat dikuasai. Seterusnya pembelajaran atas talian juga dapat memudahkan murid mendapat maklumat dalam Internet semasa era COVID-19 ini.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian berbentuk pendekatan kaedah kuantitatif secara tinjauan. Kaedah kuantitatif jenis deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik. Data yang diperoleh melalui instrumen kajian tersebut dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) 27.0 bagi menjawab ketiga-tiga bahagian. Data primer digunakan untuk mendapatkan tahap kesediaan murid Tingkatan 4 di SMK Badin dalam penggunaan Internet dan Pembelajaran Teradun bahasa Melayu melalui nilai skor min yang diperoleh daripada setiap item.

3.1. Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada murid tingkatan 4 di SMK Badin Tuaran Sabah. Responden bagi kajian ini adalah seramai 126 orang murid yang terdiri daripada murid

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tingkatan 4 di SMK Badin Tuaran Sabah yang mengikuti sesi persekolahan bagi tahun 2019. Saiz Sampel bagi kajian ini merujuk kepada jadual penentu sampel kajian Krejcie dan Morgan (1970).

3.2. Instrumen Kajian

Instrumen yang diguna dalam kajian ini menggunakan soal selidik berskala Likert 5point, yang diadaptasi daripada Reid (1987) dan alat ukur ini stabil dan boleh digunakan apabila instrumen ini telah pun diguna oleh Ahmad Zaki dalam kajian bahasa (Ahmad Zaki & Zulazhan, 2020). Berikutan dengan pandemik Covid-19 ini maka borang soal selidik dalam talian ini adalah menggunakan *Google Form* yang dijawab secara terus melalui atas talian. Menurut Creswell (2014) melalui kajian beliau menyatakan bahawa kesesuaian membuat kajian tinjauan secara dalam talian yang dapat mengumpulkan data secara cepat dan luas serta mendapat maklum balas yang tinggi daripada responden, beberapa kelebihan juga turut dinyatakan seperti kos yang rendah dan sebaran yang pantas. Soal selidik mempunyai tiga bahagian, iaitu;

i. Bahagian A (Jantina, kelas dan tempat tinggal).
ii. Bahagian B (Tahap Kesediaan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu di Internet).
iii. Bahagian C (Tahap Kesediaan murid dalam Pembelajaran Teradun bahasa Melayu) sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Bahagian dan bentuk kenyataan dan jawapan soal selidik

Kategori Soalan	Bentuk Kenyataan dan jawapan
Bahagian A	Latar belakang demografi responden. Pilihan Jawapan disediakan
Bahagian B	Kesediaan pembelajaran bahasa Melayu di Internet
Bahagian C	Kesediaan Pembelajaran Teradun bahasa Melayu.
Pilihan Jawapan	Berskala Likert dari 1-5, iaitu: (1) Sangat Tidak setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju, (5) Sangat Setuju.

Manakala skala tahap di interpretasi berdasarkan nilai skor min seperti di Jadual 2. Menurut Pallant (2020) menjelaskan bahawa garis panduan dalam interpretasi min ialah diambil dari nilai 5mata. Nilai terendah iaitu (min=1.00-2.33), tahap sederhana (min 2.34-3.67) dan tahap tinggi iaitu 3.68-5.00.

Jadual 2: Garis panduan skala tahap berdasarkan nilai skor min

Skor min Tahap
1.00 - 2.33 Rendah
2.34 - 3.67 Sederhana
3.68 - 5.00 Tinggi

Sumber : Pallant (2020) dan Jamal et al. (2019)

3.3. Kajian Rintis

Kajian rintis dilaksanakan ke atas 10 orang murid responden di Sekolah Menengah Kebangsaan Badin Tuaran Sabah. Teknik persampelan rawak mudah digunakan dalam pemilihan responden. Fokus kajian ini adalah mendapatkan kesimpulan tahap kesediaan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

murid Tingkatan 4 di SMK Badin dalam Pembelajaran Teradun bahasa Melayu melalui nilai skor min yang diperoleh dari setiap item. Ujian kebolehpercayaan ini adalah bertujuan untuk mengukur kestabilan dan ketekalan borang soal selidik untuk mengukur konsep dan membantu menilai sama ada borang soal selidik tersebut sesuai digunakan ataupun tidak Sekaran (2003).

Nilai skor min secara keseluruhan kebolehpercayaan instrumen dengan nilai pekali Alpha Cronbach (α) adalah 0.795 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Ini menunjukkan kebolehpercayaan dalam soal selidik tersebut yang tinggi lingkungan 0.600 kenyataan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd. Majid (2000). Ini menunjukkan bahawa hubungan antara item-item soalan tersebut adalah sesuai dijadikan sebagai satu set soalan untuk diedarkan.

Jadual 3: Interpretasi Alpha Cronbach

Statistik Kebolehpercayaan	
	Nilai
Alpha Cronbach 0.795	12

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian telah diperoleh melalui analisis *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0 dengan menggunakan analisis deskriptif ke atas data respons yang terkumpul daripada 126 orang murid/responden.

Rajah 1 menunjukkan dapatan bahagian A, iaitu berkaitan demografi responden yang terdiri daripada jantina, dan tempat tinggal. 126 orang murid tingkatan 4 menjadi responden untuk menjawab instrumen soal selidik ini, terdiri daripada 37orang murid lelaki (29.4%) dan 89 orang murid perempuan (70.6%). Melalui dapatan analisis data demografi, kajian murid perempuan merupakan responden yang ramai kerana pendaftaran murid perempuan pada tahun semasa bagi tingkatan 4 lebih mendominasi berbanding murid lelaki.

Rajah 1: Analisis jantina murid



Rajah 2 menunjukkan dapatan analisis bahagian tempat tinggal murid pula di dapati 124 (100%) orang tinggal di rumah, manakala 2.(1.6%) pula menetap di asrama. Menunjukkan bahawa responden yang menjawab soalan soal selidik ini adalah terdiri daripada 124 murid yang menetap di rumah telah memanfaatkan sepenuhnya

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penggunaan Internet dari rumah. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Syed Lamsah dan Muhamad Yusoff (2020) bahawa penyertaan murid dalam e-pembelajaran akan berkesan jika setiap murid mempunyai peralatan komunikasi dan capaian Internet yang baik.

Rajah 2 : Analisis bahagian tempat tinggal



Jadual 4 pula menunjukkan dapatan bahagian B membincangkan tahap kesediaan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu di Internet. Nilai skor min bagi item pertama B05 dengan min 3.81 dan item B02 dengan min 3.73 menunjukkan skor min yang agak tinggi. Item bagi B05 mencatatkan skor min yang tertinggi 3.81, iaitu item yang menjelaskan bahawa minat murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu yang berminat dengan pembelajaran di dalam kelas yang ditambah dengan bahan/aktiviti pembelajaran di Internet ini bertepatan dengan murid yang lahir di dalam era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang menyukai pembelajaran berasaskan teknologi, dapatan kajian ini disokong dengan dapatan kajian Sumarni dan Zamri (2018) yang menjelaskan bahawa murid tingkatan 4 mempunyai minat yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu yang menggunakan bahan yang diperoleh daripada Internet.

Pelajar berminat meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Melayu melalui Internet, pula mencatatkan mencatatkan skor min yang kedua tertinggi iaitu 3.73 menunjukkan bahawa kemahiran dalam aspek mendengar ini memudahkan pengajaran dalam komponen sastera bahasa Melayu (KOMSAS) yang lebih difahami jika dihayati dengan mempelajari Puisi moden dan puisi tradisional dengan betul. Kajian ini selari dengan kajian Siti Salwa dan Jamaludin (2013) yang menjelaskan bahawa pengajaran dengan menggunakan *Google Plus* dalam komponen Sastera (KOMSAS) membawa manfaat kepada murid dan juga guru bahawa mengadaptasi pembelajaran melalui visualisasi dan interaksi maya merupakan suatu pengalaman pembelajaran yang menarik minat murid.

Nilai skor min bagi B01, B03 & B04 berada pada tahap sederhana. Bagi item B1 pelajar suka mempelajari bahasa Melayu di Internet berada pada tahap sederhana iaitu 3.56. Manakala item B04 3.36 juga menunjukkan bahawa keselesaan murid mempraktik pertuturan bahasa Melayu melalui ruangan perbualan di Internet. Bagi item B3 skor min 2.85 yang juga menunjukkan murid kurang selesa merakam suara bacaan bahasa Melayu dan memuat naik fail di Internet dapatan Kajian ini selari kajian yang dilakukan oleh Johari dan Siti Norazlina (2011) kemahiran ICT perlu dipelajari agar penggunaan teknologi ini lebih menarik minat murid untuk menggunakanya secara optimum.

Berdasarkan dapatan bagi bahagian B yang meninjau tahap kesediaan murid dalam pembelajaran bahasa Melayu di internet dalam era COVID-19 ini menunjukkan berada pada tahap sederhana iaitu dapat dilihat dalam dapatan skor min secara keseluruhan,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

iaitu 3.46. Menunjukkkan bahawa pembelajaran dalam talian bagi bahasa Melayu berada pada tahap sederhana jelas menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan internet bukanlah pilihan utama dalam mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Shahfiezul dan Fariza (2015) bahawa terdapat murid yang mempunyai kekangan untuk enggunakan e-pembelajaran.

Jadual 4: Tahap Kesediaan Murid dalam Pembelajaran bahasa Melayu di Internet

Item	Penyataan	SP	Min	Tahap
B01	Suka mempelajari bahasa Melayu di Internet.	0.894	3.56	Sederhana
B02	Berminat meningkatkan kemahiran Mendengar bahasa Melayu melalui Internet.	0.768	3.73	Tinggi
B03	Selesa merakam suara bacaan bahasa Melayu dan memuat naik fail di Internet.	0.801	2.85	Sederhana
B04	Selesa mempraktik pertuturan Bahasa Melayu melalui ruangan perbualan di Internet.	0.808	3.36	Sederhana
B05	Saya lebih berminat dengan pembelajaran bahasa Melayu di dalam kelas yang ditambah dengan bahan aktiviti pembelajaran di Internet.	0.973	3.81	Tinggi
	Min keseluruhan kesediaan murid dalam Pembelajaran bahasa Melayu di Internet.		3.46	Sederhana

Jadual 5 pula adalah menjurus kepada meninjau tahap kesediaan murid terhadap Pembelajaran Teradun bahasa Melayu pula nilai Skor Min berada pada aras tinggi. Bagi item C01 skor min 4.23 menjurus kepada minat murid dalam pembelajaran bahasa Melayu di dalam kelas yang ditambah dengan bahan/aktiviti pembelajaran di Internet sepenuhnya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar lebih selesa jika pembelajaran bersemuka dapat dilaksanakan disamping mendapatkan bahan-bahan yang diperoleh daripada Internet. Kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Nurul Nadirah dan Fariza (2016) mengatakan bahawa murid bersetuju bahawa penggunaan pendekatan Pembelajaran Teradun memberi peluang dan ruang kepada murid untuk mendapatkan bahan rujukan untuk mendalami pelajaran dan lebih mendedahkan murid untuk meneroka ilmu dengan lebih mendalam melalui pencarian bahan dari internet.

Bagi item kedua skor min item C02 berada pada tahap tinggi iaitu, 3.83 membincangkan tentang keselesaan murid memuat turun bahan-bahan pembelajaran bahasa Melayu di Internet yang akan digunakan di dalam kelas kelak. Persediaan awal dalam carian bahan melalui laman sesawang akan memudahkan perbincangan bersama guru kerana bahan telah didapati lebih awal masa dapat dijimatkan. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Faizatul (2017) bahawa responden menerima dengan baik persediaan awal dengan memuat turun bahan-bahan lebih awal akan memudahkan pembelajaran semasa dalam kelas.

Seterusnya bagi item C05 skor min pada tahap tinggi iaitu 3.81 iaitu murid mempercayai bahawa pembelajaran gabungan di dalam kelas dan di Internet lebih menarik dan efisien.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Keadaan ini akan memudahkan murid seronok melalui pembelajaran atas talian dan pembelajaran bersemuka. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh (Ahmad Zaki & Zulazhan, 2020) bahawa dapatan kajian pada tahap tinggi iaitu skor min=4.131menunjukkan bahawa murid selesa dengan pembelajaran gabungan antara pembelajaran e-pembelajaran dan pembelajaran bersemuka di dalam kelas.

Manakala skor Min C03 dan C04 adalah sama 3.62. C03 iaitu skor min 3.62 dan C04 3.62). Bagi item C03 skor min 3.62 menjurus kepada murid berminat untuk melaksanakan aktiviti tambahan bahasa Melayu di Internet selain pembelajaran di dalam kelas disebabkan banyak aplikasi interaktif yang ditawarkan di dalam Internet. Bagi C04 3.62 mengenai kesediaan murid melaksanakan, latihan pengukuhan dan ujian penilaian bahasa Melayu di Internet. Menunjukkan bahawa murid bersedia menjawab soalan penilaian dan pengukuhan yang diberikan oleh guru. Kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Sumarni dan Mahamod (2018) mengenai sikap murid tingkatan 4 dengan skor min murid 4.28, ini menunjukkan murid berminat dalam menggunakan persekitaran pembelajaran VLE Frog yang menggunakan pelbagai aplikasi seperti widget dalam Frog VLE.

Berdasarkan dapatan bagi bahagian C yang meninjau tahap kesediaan murid dalam Pembelajaran Teradun bahasa Melayu di Internet dalam era COVID-19 ini menunjukkan berada pada tahap tinggi iaitu dapat dilihat dalam dapatan skor min secara keseluruhan, iaitu 3.82. Menunjukkkan bahawa tahap kesediaan murid dalam Pembelajaran Teradun bagi bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa murid selesa pembelajaran bersemuka dan gabungan dengan pembelajaran berasaskan internet adalah pilihan tepat dalam mempelajari bahasa Melayu. Kelompangan dalam masa krisis pandemik COVID-19 yang menghadkan murid untuk hadir ke sekolah dapat dipenuhi. Kenyataan ini di sokong melalui kajian (Ahmad Zaki, Zulazhan & Nurkhamimi, 2020) bahawa sudah sampai masanya murid dapat didedahkan dengan Pembelajaran Teradun terutama dalam negara menghadapai revolusi Industri (IR4.0).

Jadual 5 : Tahap Kesediaan Murid Pembelajaran Teradun bahasa Melayu

Item	Penyataan	SP	Min	Tahap
C01	Saya lebih berminat dengan pembelajaran bahasa Melayu di dalam kelas yang ditambah dengan bahan / aktiviti pembelajaran di Internet	.834	4.23	Tinggi
C02	Saya selesa memuat turun bahan-bahan pembelajaran bahasa Melayu di Internet untuk kegunaan di dalam kelas	.849	3.83	Tinggi
C03	Saya berminat untuk melaksanakan aktiviti tambahan bahasa Melayu di Internet selain pembelajaran di dalam kelas	.886	3.62	Tinggi
C04	Saya bersedia melaksanakan tugasan, latihan pengukuhan dan ujian penilaian bahasa Melayu di Internet	.834	3.62	Tinggi
C05	Saya percaya pembelajaran gabungan di dalam kelas dan di Internet lebih menarik dan efisien	.917	3.81	Tinggi
	Min keseluruhan kesediaan pelajar (Pembelajaran bahasa Melayu di Internet		3.82	Tinggi

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Kesimpulan

Kesimpulannya melalui hasil dapatan kajian, pembelajaran semasa era COVID-19 ini sesungguhnya berbeza dengan pembelajaran pada sesi persekolahan yang menggunakan pendekatan konvensional. Namun bagi memastikan murid generasi Z (Gen-Z) yang menggunakan teknologi dengan efektif maka pembelajaran atas talian adalah suatu pendekatan terbaik dalam memanfaatkan ruang dalam pembelajaran konvensional. Murid yang mempunyai akses Internet dapat mengikuti Pembelajaran Teradun iaitu pembelajaran yang menggabungkan antara pembelajaran bersemuka dan pembelajaran atas talian. Bersesuaian dengan mata pelajaran teras wajib lulus Bahasa Melayu SPM yang menekankan penguasaan empat kemahiran Bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis sangat sesuai dengan pendekatan Pembelajaran Teradun. Ini memastikan murid mendapat ilmu dan kefahaman di dalam kelas, seterusnya melaksanakan aktiviti pengukuhan secara berterusan dalam talian. Ini menjadikan aktiviti pengukuhan kemahiran bahasa Melayu dapat dirancang dan dilaksanakan tanpa perlu terikat dengan tempoh jam pertemuan di dalam kelas, bahkan ia boleh di akses di mana-mana dan pada bila-bila masa selagi mana rangkaian Internet wujud.

Tambahan daripada itu, dicadangkan agar perancangan aktiviti dalam talian bagi pengukuhan kemahiran bahasa Melayu adalah perlu disusun secara sistematik dan pelbagai. Antara yang elemen berbentuk multimedia (audio dan video), animasi dan permainan yang interaktif dapat diaplikasikan dalam pembelajaran agar murid tertarik. Penggunaan aplikasi Web 2.0 yang tersedia di Internet pasti memudahkan lagi proses penerapan elemen-elemen tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan gaya pembelajaran mata pelajaran bahasa Melayu dapat diberikan nafas baharu, di samping murid Gen-Z juga lebih berminat untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa Kebangsaan seterusnya mampu memartabatkan bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah, dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Serta semua pihak yang terlibat.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Ahmad Mazalah, Badusah Jamaludin, Ahmad Zamr Mansor, Karim Aidah Abdul, Fariza Khalid, Mohd Yusof Daud, & Din, R. (2015). Aplikasi Model Literasi ICT Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5*, *5*(June 2016), 321–328.

Ahmad Zaki Amirudddin, Zulazhan Ab. Halim, & Nurkhamimi Zainuddin. (2020). *kesediaan Pelajar Generazi Z Di Universiti Malaysia Kelantan Dalam Pembelajaran Teradun Bahasa Arab Dalam Era IR4.0*. *22*(1), 86–95.

Barnes & Noble. (2019). *New Barnes & Noble Education Report Finds Gen Z Will Have Strong Influence on 2020 Presidential Election | Business Wire*. https://www.businesswire.com/news/home/20190620005133/en/New-Barnes-Noble-Education-Report-Finds-Gen-Z-Will-Have-Strong-Influence-on-2020-Presidential-Election

Bouilheres, F., Le, L. T. V. H., McDonald, S., Nkhoma, C., & Jandug-Montera, L. (2020). Defining student learning experience through blended learning. *Education and Information Technologies*, *25*(4), 3049–3069. https://doi.org/10.1007/s10639-020-10100-y

Bram Bruggeman, Jo Tondeur, Katrien Struyven, Bram Pynoo, Anja Garone, & Silke Vanslambrouck. (2021). Experts Speaking: Crucial teacher attributes for implementing blended learning in higher education. *Experts Speaking: Crucial Teacher Attributes for Implementing Blended Learning in Higher Education*, *48*(February 2020), 100772. https://doi.org/10.1016/j.iheduc.2020.100772

Broughton, J. P., Deng, X., Yu, G., Fasching, C. L., Servellita, V., Singh, J., Miao, X., Streithorst, J. A., Granados, A., Sotomayor-Gonzalez, A., Zorn, K., Gopez, A., Hsu, E., Gu, W., Miller, S., Pan, C. Y., Guevara, H., Wadford, D. A., Chen, J. S., & Chiu, C. Y. (2020). CRISPR–Cas12-based detection of SARS-CoV-2. *Nature Biotechnology*, *38*(7), 870–874. https://doi.org/10.1038/s41587-020-0513-4

Creswell, J. W. (n.d.). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage. - Bing*. Retrieved December 20, 2020, from https://www.bing.com/search?q=Creswell%2C+J.+W.+%282014%29.+Research+Design%3A+Qualitative%2C+Quantitative+and+Mixed+Methods+Approaches+%284th+ed.%29.+Thousand+Oaks%2C+CA%3A+Sage.&form=ANSPH1&refig=f79fd28ffe59463ea76d68d7fef3697a&pc=U531&sp=-1&pq=creswel

Faizatul Hafilah. (2017). Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Teradun (Blended Learning). *Journal on Technical and Vocational Education*, *1*(2), 53–63. http://upikpolimas.edu.my/ojs/index.php/JTVE/article/view/66

Hrastinski, S. (2019). What Do We Mean by Blended Learning? *TechTrends*, *63*(5), 564–569. https://doi.org/10.1007/s11528-019-00375-5

Jamal Nordin Yunus, Marinah Awang, & Mahaliza Mansor. (2019). Tingkahlaku kepimpinan transformasi di Sekolah Rendah Luar Bandar. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, *5*(1), 9. https://doi.org/10.37134/ejoss.vol5no1.3

Johari Hassan, & Siti Norazlina Kamisan. (2011). Halangan Terhadap Penggunaan Komputer Dan ICT Di Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Kalangan Guru sekolah Menengah Kebangsaan Luar Bandar Di Daerah Kulai Jaya, Johor. *Universiti Teknologi Malaysia*, *15*(3), 262–267. https://doi.org/10.1002/eji.1830150310

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia*. https://www.moh.gov.my/

Kementerian Pendididkan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah). In *Education* (Vol. 27,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Issue 1). https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Garis Panduan Pengurusan Dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0. *Kementerian Pendidikan Malaysia*, 123. https://www.moe.gov.my/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/4109-garis-panduan-pengurusan-dan-pengoperasian-sekolah-dalam-norma-baharu-2-0/file

Kok, K. H. (2020). *Interaksi Tidak Bersemuka Dan Perintah Kawalan Pergerakan Wabak Covid-19 (Non Face-To-Face Interaction And Movement Control Order For Covid-19 Outbreak)*. *2*(3), 202–211.

Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample size for research activities. Education and Phychological Measurement, 30: 607-610). *Educational And Psychological Measurement*, 30.

Lalima, D., & Lata Dangwal, K. (2017). Blended Learning: An Innovative Approach. *Universal Journal of Educational Research*, *5*(1), 129–136. https://doi.org/10.13189/ujer.2017.050116

Majlis Keselamatan Negara. (2020). *Home | COVID-19 MALAYSIA*. Retrieved December 31, 2020, from http://covid-19.moh.gov.my/

Mohamed Nazul Ismail. (2020). Cabaran Kepimpinan Dalam Pengurusan Pembelajaran Digital. *Journal of Chemical Information and Modeling*, *21*(1), 1–9. https://doi.org/10.1016/j.tmaid.2020.101607%0Ahttps://doi.org/10.1016/j.ijsu.2020.02.034%0Ahttps://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1111/cjag.12228%0Ahttps://doi.org/10.1016/j.ssci.2020.104773%0Ahttps://doi.org/10.1016/j.jinf.2020.04.011%0Ahttps://doi.o

Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Mohd. Majid Konting (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

New York Times. (2020). *Schools Can Reopen, Germany Finds, but Expect a 'Roller Coaster'*. 1–11.

Nor Asmawati Ismail, Najihah Abd Wahid, & Norsuhada Mat Hasan. (2019). Meningkatkan Efikasi Kendiri Guru di Malaysia Terhadap Kecenderungan Pembelajaran Generasi Z dan Alpha. *Journal of Management and Operation Research*, *1*(13), 1.

Nur Shafinaz Ahmad Shakir, & Nor Hafizah Binti Adnan. (2020). Kebolehgunaan Massive Open Online Course (MOOC) Sebagai E-Pembelajaran dalam Pengajaran Pengaturcaraan di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *5*(6), 33–41. https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i6.429

Nurul Nadirah Mohd Kasim, & Fariza Khalid. (2016). Kesesuaian Kaedah Pembelajaran Teradun dari Sudut Pandangan Pelajar Pascasiswazah. *International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016) "Cross-Cultural Education for Sustainable Regional Development," 2016*(November), 5.

Pallant, J. (2020). SPSS survival manual: a step by step guide to data analysis using IBM SPSS. In *Routledge* (7th ed.). https://doi.org/10.1111/1753-6405.12166

Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). *Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19. April 2020*, 1–23. http://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2. PERANAN DAN CABARAN PEMIMPIN PENDIDIKAN.pdf

Reid, J. M. (1987). The Learning Style Preferences of ESL Students. *TESOL Quarterly*, *21*(1), 87. https://doi.org/10.2307/3586356

Roslee, T., & Tisebio, A. T. (2020). Kesan Komitmen Organisasi Pendidikan Sebagai Moderator ke atas Hubungan Kepimpinan Teknologi Pengetua dalam Pengurusan Kurikulum dengan Efikasi Kendiri Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Humanities (MJSSH), *5*(3), 30–46. https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.373

Rosninawati Hussin, Rosidayu Sabran, & Fauziah Hassan. (2017). Blessing Knowledge By the usege of communication technology, ipad and its effectivness. *BMC Public Health*, *5*(1), 1–8. https://ejournal.poltektegal.ac.id/index.php/siklus/article/view/298%0Ahttp://repositorio.unan.edu.ni/2986/1/5624.pdf%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.jana.2015.10.005%0Ahttp://www.biomedcentral.com/1471-2458/12/58%0Ahttp://ovidsp.ovid.com/ovidweb.cgi?T=JS&P

Sekaran, U. (2003). Research Methods for Business A Skill-Building Approach. *Journal of Chemical Information and Modeling*, *53*(9), 1–450. http://www.wiley.com/college

Shahfiezul Shahaimi & Fariza Khalid. (2015). *Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (VLE-FROG) Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia: Pelaksanaan Dan Cabaran*. http://library1.nida.ac.th/termpaper6/sd/2554/19755.pdf

Siti Salwa Atan, & Jamaludin Badush. (2013). Aplikasi rangkaian sosial google plus dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) APLIKASI*, *3*(Mei), 31–41.

Sumarni Lapammu, & Zamri Mahamod. (2018). Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajarn tingkatan 4 terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran Maya VLE FROG dalam pembelajaran bahasa Melayu. In *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* (Vol. 8, Issue 2). http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/166

Syed Azwan Syed Ali. (2020). 1.7 juta pelajar hadapi "miskin digital"? *Malaysia Kini*. https://www.malaysiakini.com/news/552078?fbclid=IwAR2ypme_ffvxATCs3kmndr5mcXbLE6x7e7e1lKhO_NUm_nLOBJw3lfHli_U

Syed Lamsah Syed Chear, & Muhamad Yusoff Mohd Nor. (2020). *Intervensi Pembelajaran di Portal e-Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram Berdasarkan Model Lima Fasa Needham Learning Intervention in e-Learning Portal Through WhatsApp and Telegram Based on Needham Five Phase Model*. *9*, 11–27.

UNICEF. (2020). COVID-19 : Laporan baharu UNICEF mendedahkan sekurang-kurangnya satu pertiga pelajar sekolah di seluruh dunia tidak dapat mengakses pembelajaran jarak jauh manakala sekolah ditutup. *COVID-19 : Laporan Baharu UNICEF Mendedahkan Sekurang-Kurangnya Satu Pertiga Pelajar Sekolah Di Seluruh Dunia Tidak Dapat Mengakses Pembelajaran Jarak Jauh Manakala Sekolah Ditutup*, 1–10.

Wang, C., Horby, P. W., Hayden, F. G., & Gao, G. F. (2020). A novel coronavirus outbreak of global health concern. *The Lancet*, *395*(10223), 470–473. https://doi.org/10.1016/S0140-6736(20)30185-9

World Health Organization. (2021). *WHO | World Health Organization*. https://www.who.int/

Zanariah Hamid, Chew, F. P., Mohd Shahril Nizam Shaharom, Rosli Hamid, & Mohd Aizat Omar. (2019). Faktor peramal penerimagunaan persekitaran pembelajaran maya dalam kalangan guru bahasa Melayu. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *6*(3), 64–79.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).